Ruj Bil. 18
Bth : 11/08/26

UNDANG2 DIDAFTAR MENURUT
SIJIL BIL : PPM-005-13-28052019 (17)
TARIKH : 11/08/26
PENDAFTAR PERTUBUHAN,
MALAYSIA

PERLEMBAGAAN

PARTI WAWASAN RAKYAT

(PPM-005-13-28052019)

ISI KANDUNGAN

FASAL	TAJUK	MUKA SURAT
1	NAMA	3
2	TEMPAT URUSAN	3
3	TUJUAN/MATLAMAT	3
4	KEAHLIAN	4
5	PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI	5
6	SUMBER KEWANGAN	5
7	SUSUNAN PARTI DAN MESYUARAT AGUNG	5
8	JAWATANKUASA-JAWATANKUASA PERINGKAT PARTI	10
9	MESYUARAT JAWATANKUASA	12
10	KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI	13
11	KEWANGAN	15
12	JURUAUDIT	17
13	PENTADBIR HARTA / PEMEGANG AMANAH	17
14	TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN	18
15	PENASIHAT / PENAUNG	18
16	PILIHAN RAYA NEGERI DAN PILIHAN RAYA UMUM	18
17	LARANGAN	19
18	PINDAAN PERLEMBAGAAN	19
19	PEMBUBARAN	19
20	BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA	20

JABATAN PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

FASAL 1 NAMA

1.1 Pertubuhan ini dikenali dengan nama:
PARTI WAWASAN RAKYAT

atau dikenali dengan nama singkatannya "WAWASAN".
Selepas ini disebut sebagai "Pertubuhan".

Maksud "WAWASAN" dalam PARTI WAWASAN RAKYAT

Ruj. Bil. 19
Bth : 11/08/26

"WAWASAN" melambangkan pandangan jauh, kebijaksanaan kepimpinan, dan keazaman untuk membina masa depan negara yang lebih adil, makmur, dan bersatu. Ia mencerminkan komitmen parti untuk melihat melangkaui kepentingan politik jangka pendek, sebaliknya merangka dasar yang berteraskan kepentingan rakyat serta kelestarian negara untuk generasi akan datang.

Dalam konteks PARTI WAWASAN RAKYAT, "WAWASAN" membawa maksud:
a. Kepimpinan yang berprinsip dan berpandangan jauh.
b. Keberanian untuk melakukan pembaharuan demi kebaikan rakyat.
c. Keupayaan menyatukan rakyat dalam kepelbagaian.
d. Tanggungjawab membina negara secara berperingkat, realistik, dan berterusan.

1.2 Taraf Pertubuhan: Nasional / Kebangsaan

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

2.1 Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah:

Tingkat 1, Lot 9787, Section 65,
407, Lorong Lee Ling 1D, Taman Lee Ling,
Batu 4, Jalan Matang, 93050 Kuching, Sarawak.

Alamat untuk surat-menyurat adalah:

Ruj. Bil. 20
Bth : 11/08/26

Tingkat 1, Lot 9787, Section 65,
407, Lorong Lee Ling 1D, Taman Lee Ling,
Batu 4, Jalan Matang, 93050 Kuching, Sarawak.

atau di mana-mana tempat lain yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Majlis Kerja Tertinggi.

2.2 Tempat urusan berdaftar dan alamat surat-menyurat tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT

3.1 **Keadilan Sosial & Kesaksamaan Peluang**

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

3.1.1 Memastikan dasar negara melindungi semua rakyat tanpa mengira kaum, agama, wilayah, atau latar belakang ekonomi.

PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

3.1.2 Menangani jurang kekayaan, pendidikan, dan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar.

3.1.3 Memperkukuh jaringan keselamatan sosial untuk golongan rentan.

3.2 **Ekonomi Rakyat yang Mampan**

3.2.1 Memperkasa ekonomi berasaskan produktiviti, inovasi, dan nilai tambah.

3.2.2 Menyokong pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), usahawan tempatan, serta ekonomi digital.

3.2.3 Mengurangkan kos sara hidup melalui dasar berhemat dan pasaran yang adil.

3.3 **Pendidikan Berkualiti untuk Masa Depan**

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

3.3.1 Menjamin akses kepada pendidikan berkualiti dan relevan bagi semua lapisan masyarakat.

3.3.2 Memfokuskan pembangunan kemahiran masa depan, pemikiran kritikal, dan pembelajaran sepanjang hayat.

3.3.3 Mengangkat martabat pendidikan kebangsaan sebagai teras pembinaan negara.

3.4 **Tadbir Urus Baik & Integriti**

3.4.1 Memperkukuh ketelusan, akauntabiliti, dan kedaulatan undang-undang.

3.4.2 Membanteras rasuah secara menyeluruh tanpa kompromi.

3.4.3 Memastikan institusi awam bebas, profesional, dan berfungsi untuk rakyat.

3.5 **Perpaduan Nasional & Keharmonian**

3.5.1 Membina perpaduan berasaskan saling menghormati dan keadilan.

3.5.2 Mengurus kepelbagaian secara matang dan inklusif.

3.5.3 Menolak politik kebencian, ekstremisme, dan perpecahan.

3.6 **Kelestarian Alam & Tanggungjawab Generasi**

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

3.6.1 Melindungi alam sekitar sebagai amanah kepada generasi akan datang.

3.6.2 Mengimbangi pembangunan ekonomi dengan kelestarian sumber.

3.7 Melibatkan ahli-ahli parti dalam kegiatan politik tanah air dengan bertanding dalam Pilihan Raya Negeri dan Pilihan Raya Umum bagi kerusi-kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen Malaysia.

FASAL 4 KEAHLIAN

4.1 **AHLI**

Kelayakan untuk menjadi ahli adalah terbuka kepada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak berdaftar sebagai ahli parti-parti lain.

4.2 PERMOHONAN MENJADI AHLI

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

4.2.1 Setiap permohonan untuk menjadi ahli hendaklah dibuat melalui Borang Permohonan rasmi yang dihantar dan diterima oleh Setiausaha Agung Parti, atau dibuat secara dalam talian.

4.2.2 Keputusan kelulusan permohonan keahlian akan dimaklumkan kepada pemohon sama ada secara dalam talian atau secara bertulis.

4.2.3 Setiap permohonan ahli yang diluluskan akan diberikan Kad Ahli yang menunjukkan Nama, Nombor Ahli, dan Kategori Ahli. Kad Ahli tersebut hendaklah dipulangkan kepada Setiausaha



Agung Parti sekiranya penama pada kad tersebut telah keluar daripada keahlian parti.

FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

5.1 Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli parti boleh menyatakan kehendaknya secara bertulis kepada Setiausaha Agung.

5.2 Keahlian seseorang ahli akan terbatal secara serta-merta apabila berlaku mana-mana perkara berikut:

5.2.1 Ahli berkenaan meminta untuk berhenti dengan menyatakan kehendaknya secara bertulis kepada Setiausaha Agung.

5.2.2 Mengisytiharkan diri keluar daripada parti.

5.2.3 Bertanding dalam pilihan raya menentang calon parti dan/atau tanpa kebenaran parti.

5.2.5 Dipecat oleh Majlis Kerja Tertinggi setelah melalui proses dan tatacara tindakan disiplin yang diputuskan oleh Majlis Kerja Tertinggi.

5.2.6 Presiden berkuasa untuk memecat mana-mana ahli tanpa perlu memberi apa-apa sebab atau alasan.

5.2.7 Hilang kewarganegaraan.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

FASAL 6 SUMBER KEWANGAN

6.1 YURAN

6.1.1 Yuran keahlian bagi setiap Ahli Biasa adalah RM1.00, yang dibayar sekali sahaja untuk sepanjang hayat keahlian dan hendaklah dibayar bersama permohonan.

6.2 DERMA DAN SUMBANGAN

6.2.1 Pertubuhan boleh memungut derma dan sumbangan dalam batas undang-undang daripada mana-mana pihak bagi membiayai aktiviti-aktiviti parti.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

6.3 ASET-ASET

6.3.1 Pertubuhan boleh memiliki harta termasuk tanah, bangunan, dan aset-aset lain yang diperlukan dengan memohon kelulusan daripada pihak berkuasa berkaitan, dan seterusnya menyewa atau menjual aset tersebut bagi meningkatkan kedudukan kewangan parti.

6.4 PERNIAGAAN DAN PELABURAN

6.4.1 Pertubuhan boleh menjalankan perniagaan dan membuat pelaburan dengan syarat bahawa semua keuntungan yang diperoleh daripada aktiviti tersebut hendaklah digunakan semata-mata untuk tujuan parti.

FASAL 7 SUSUNAN PARTI DAN MESYUARAT AGUNG

Bentuk susunan parti dan pembahagian kuasa dari peringkat kuasa tertinggi hingga ke peringkat kuasa terendah adalah seperti berikut:

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

i) Peringkat Pusat:
Kongres Umum atau, sekiranya tiada, Majlis Kerja Tertinggi.

PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

ii) Peringkat Negeri:
Kongres Umum Negeri atau, sekiranya tiada, Majlis Kerja Negeri.

Mesyuarat Agung Parti hendaklah dikenali sebagai KONGRES UMUM PARTI.

7.1 JENIS KONGRES UMUM

7.1.1 Kongres Umum Parti terbahagi kepada dua jenis, iaitu Kongres Umum Tahunan dan Kongres Umum Khas.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/02/26

7.2 KEDUDUKAN DAN KUASA KONGRES UMUM

7.2.1 Kongres Umum Parti merupakan kuasa tertinggi Parti, dan perjalanan Parti hendaklah berasaskan kepada kuasa serta perintahnya, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan ini.

7.3 KELAYAKAN KEHADIRAN KE KONGRES UMUM PARTI

7.3.1 Kehadiran bagi setiap Kongres Umum Parti hendaklah terdiri daripada:

7.3.1.1 Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap.
7.3.1.2 Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi.
7.3.1.3 Perwakilan Negeri yang terdiri daripada tidak lebih daripada dua puluh (20) orang wakil, yang dipilih oleh Kongres Umum Tahunan Negeri, dan tidak termasuk ahli-ahlinya yang menganggotai Majlis Kerja Tertinggi.
7.3.1.4 Sekiranya sesebuah Negeri sedang menjalani penggantungan dan belum memilih perwakilan, maka Jawatankuasa Pentadbir yang telah dilantik oleh Majlis Kerja Tertinggi untuk mentadbir Negeri tersebut berkuasa memilih perwakilan dengan jumlah wakil menurut subfasal 7.3.1.3 di atas.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/02/26

7.3.1.5 Ahli-ahli dari sesebuah Negeri yang belum menubuhkan Jawatankuasa Negeri.

7.4 KORUM KONGRES UMUM

7.4.1 Korum bagi Kongres Umum Tahunan dan Kongres Umum Khas hendaklah tidak kurang daripada dua (2) kali ganda jumlah ahli Majlis Kerja Tertinggi.

7.5 JADUAL KONGRES UMUM TAHUNAN / PEMILIHAN

7.5.1 Kongres Umum Tahunan hendaklah diadakan sekali dalam tiga (3) tahun, manakala Kongres Umum Pemilihan hendaklah diadakan sekali dalam lima (5) tahun, pada tarikh yang ditetapkan oleh Majlis Kerja Tertinggi, dan tidak lewat daripada 54 bulan, bersamaan dengan tiga (3) tahun ditambah 18 bulan, dari tarikh Kongres Umum Tahunan yang lalu.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/02/26

7.6 AGENDA KONGRES UMUM TAHUNAN

7.6.1 Agenda Kongres Umum Tahunan adalah untuk menerima, membahas, dan meluluskan perkara-perkara berikut:

MALAYSIA PENDAFTAR PERTUBUHAN

7.6.1.1 Ucapan Presiden.

7.6.1.2 Membaca dan mengesahkan Minit Kongres Umum Tahunan yang lalu.

7.6.1.3 Membincangkan perkara-perkara yang berbangkit daripada Minit Kongres Umum Tahunan yang lalu.

7.6.1.4 Menerima Laporan Bendahari dan meluluskan Penyata Tahunan serta Penyata Kira-Kira yang telah diaudit.

7.6.1.5 Membahas dan meluluskan resolusi-resolusi daripada Majlis Kerja Tertinggi dan ahli.

7.6.1.6 Memilih seorang Pengerusi Tetap dan seorang Timbalan Pengerusi Tetap setiap lima (5) tahun sekali.

7.6.1.7 Memilih Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi setiap lima (5) tahun sekali.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

7.6.1.8 Melantik dua (2) orang juruaudit setiap lima (5) tahun sekali. Juruaudit hendaklah dipilih daripada kalangan mereka yang mempunyai kelayakan sebagai akauntan bertauliah.

7.6.1.9 Melantik dua (2) orang Pengamanah setiap lima (5) tahun sekali.

7.6.1.10 Perkara-perkara lain yang ditentukan oleh Majlis Kerja

7.7 HAK MENGUNDI DALAM KONGRES UMUM TAHUNAN

7.7.1 Semua wakil yang layak hadir menurut subfasal 7.3 adalah layak mengundi dan dicalonkan, serta boleh mengambil bahagian dalam membuat sebarang keputusan dalam Kongres Umum Tahunan Parti.

7.8 KONGRES UMUM KHAS

Penganjuran sesuatu Kongres Umum Khas adalah tertakluk kepada salah satu ketentuan berikut:

7.8.1 Keperluan untuk mengadakan Kongres Umum Khas telah diluluskan oleh majoriti mudah dalam mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi.

7.8.2 Atas permintaan bertulis kepada Setiausaha Agung Parti oleh tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) ahli Majlis Kerja Tertinggi.

7.8.3 Melalui petisyen bertulis kepada Setiausaha Agung Parti daripada dua puluh peratus (20%) Pengerusi Jawatankuasa Negeri yang telah mendapat kelulusan majoriti dua pertiga (2/3) ahli-ahli Jawatankuasa Negeri masing-masing untuk membuat petisyen tersebut.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

7.8.4 Melalui petisyen bertulis kepada Setiausaha Agung Parti atau petisyen dalam talian yang ditandatangani oleh dua puluh peratus (20%) daripada jumlah ahli parti.

7.8.5 Kongres Umum Khas hendaklah diadakan tidak lewat daripada enam puluh (60) hari dari tarikh keputusan Majlis Kerja Tertinggi atau dari tarikh permintaan atau petisyen bertulis sebagaimana dinyatakan dalam subfasal 7.8.3 dan 7.8.4 diterima.

7.8.6 Atas arahan Presiden.

7.8.7 Presiden berkuasa mengarahkan pembatalan Kongres Umum Khas sekiranya beliau berpendapat terdapat unsur-unsur yang boleh menjejaskan keselamatan dan keharmonian dalam kalangan ahli.

7.9 NOTIS KONGRES UMUM

7.9.1 Tempoh Notis Kongres Umum:

PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

Setiausaha Agung hendaklah mengeluarkan notis melalui laman web rasmi Parti, media massa tempatan, dan/atau akhbar aliran perdana, sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh Kongres yang telah ditetapkan oleh Majlis Kerja Tertinggi.

7.10 **NOTIS KONGRES UMUM KHAS**

7.10.1 Notis Kongres Umum Khas hendaklah dikeluarkan oleh Setiausaha Agung dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh keperluan mengadakan Kongres Umum Khas.

Sekiranya Setiausaha Agung tidak berbuat demikian selepas tempoh tersebut, maka notis Kongres Umum Khas hendaklah dikeluarkan oleh Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap dalam tempoh empat (4) hari berikutnya.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

Sekiranya kedua-duanya juga tidak berbuat demikian dalam tempoh tersebut, maka mana-mana ahli Majlis Kerja Tertinggi boleh mengeluarkan notis tersebut dalam tempoh tiga (3) hari berikutnya.

7.11 **KONGRES UMUM NEGERI**

7.11.1 **PENUBUHAN PARTI PERINGKAT NEGERI**

Majlis Kerja Tertinggi berkuasa menubuhkan cawangan parti di peringkat negeri, tertakluk kepada ketetapan Akta Pertubuhan 1966, di setiap negeri dan Wilayah Persekutuan di Malaysia.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

7.11.2 **JENIS KONGRES UMUM NEGERI**

Kongres Umum Negeri terbahagi kepada dua jenis, iaitu Kongres Umum Tahunan Negeri dan Kongres Umum Khas Negeri.

7.11.3 **KEDUDUKAN DAN KUASA MESYUARAT UMUM NEGERI**

Tertakluk kepada Perlembagaan ini dan kuasa Majlis Kerja Tertinggi, perjalanan parti di peringkat Negeri adalah berasaskan kepada kuasa dan perintah Kongres Umum Negeri.

7.11.4 **KELAYAKAN KEHADIRAN KE KONGRES UMUM NEGERI**

Kongres Umum Negeri hendaklah terdiri daripada:

7.11.4.1 Ahli-ahli Jawatankuasa Negeri.
7.11.4.2 Ahli-ahli di bawah Negeri menurut subfasal 4.1.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

7.11.5 **KORUM KONGRES UMUM NEGERI**

Korum bagi Kongres Umum Tahunan Negeri dan Kongres Umum Khas Negeri hendaklah tidak kurang daripada dua (2) kali ganda jumlah ahli Jawatankuasa Negeri.

7.11.6 **NOTIS KONGRES UMUM NEGERI**

MALAYSIA PENDAFTAR PERTUBUHAN

7.11.6.1 **NOTIS KONGRES UMUM TAHUNAN NEGERI**

Setiausaha Negeri hendaklah mengeluarkan notis melalui laman web rasmi Parti dan memaparkannya di papan tanda premis pejabat Negeri, tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh Kongres Umum Tahunan Negeri yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Negeri.

7.11.6.2 **NOTIS KONGRES UMUM KHAS NEGERI**

Atas arahan Presiden, notis Mesyuarat Umum Khas Negeri hendaklah dikeluarkan tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh mesyuarat oleh Setiausaha Negeri.

Jika Setiausaha Negeri tidak berbuat demikian selepas tempoh tersebut, maka notis Kongres Umum Khas Negeri hendaklah dikeluarkan oleh Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap dalam tempoh empat (4) hari berikutnya.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

Sekiranya kedua-duanya juga tidak dapat berbuat demikian dalam tempoh tersebut, maka mana-mana ahli Jawatankuasa Negeri yang lain dibenarkan mengeluarkan notis tersebut dalam tempoh tiga (3) hari berikutnya.

7.11.7 **HAK MENGUNDI DALAM KONGRES UMUM NEGERI**

Semua ahli yang layak hadir menurut subfasal 7.11.4 adalah layak mengundi dan dicalonkan, serta boleh mengambil bahagian dalam membuat sebarang keputusan dalam Kongres Umum Negeri.

7.11.8 **JADUAL KONGRES UMUM TAHUNAN NEGERI**

Kongres Umum Tahunan Negeri hendaklah diadakan sekali dalam tiga (3) tahun, dengan notis sekurang-kurangnya empat puluh lima (45) hari sebelum tarikh kongres diadakan.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

Penangguhan Kongres Umum Tahunan Negeri boleh diberikan oleh Majlis Kerja Tertinggi, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang berkaitan di bawah Akta Pertubuhan 1966.

7.11.9 **AGENDA KONGRES UMUM TAHUNAN NEGERI**

7.11.9.1 Membaca dan mengesahkan Minit Kongres Umum Negeri yang lalu.
7.11.9.2 Membincangkan perkara-perkara yang berbangkit daripada Minit Kongres Umum Negeri yang lalu.
7.11.9.3 Menerima Laporan Bendahari dan meluluskan Penyata Tahunan serta Penyata Kira-Kira yang telah diaudit.
7.11.9.4 Memilih seorang Pengerusi Tetap dan seorang Timbalan Pengerusi Tetap setiap lima (5) tahun sekali.
7.11.9.5 Memilih Ahli-ahli Jawatankuasa Negeri setiap lima (5) tahun sekali serta dua (2) orang juruaudit setiap lima (5) tahun sekali.
7.11.9.6 Memilih wakil untuk menganggotai perwakilan Negeri ke Kongres Umum Parti menurut subfasal 7.3.1.3.
7.11.9.7 Membahas dan meluluskan resolusi-resolusi daripada Jawatankuasa Negeri dan ahli.
7.11.9.8 Perkara-perkara lain yang ditentukan oleh Jawatankuasa

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

7.11.10 **KONGRES UMUM KHAS NEGERI**

Penganjuran sesuatu Kongres Umum Khas Negeri adalah tertakluk kepada salah satu ketentuan berikut:

7.11.10.1 Keperluan untuk mengadakan Kongres Umum Khas Negeri telah diluluskan oleh majoriti mudah dalam mesyuarat Jawatankuasa Negeri.

7.11.10.2 Atas permintaan bertulis kepada Setiausaha Negeri Parti oleh tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) ahli Jawatankuasa Negeri.

7.11.10.3 Melalui petisyen bertulis kepada Setiausaha Negeri Parti daripada dua puluh peratus (20%) ahli yang berdaftar dalam Negeri tersebut.

7.11.10.4 Kongres Umum Khas Negeri hendaklah diadakan tidak lewat daripada empat puluh lima (45) hari dari tarikh keputusan Jawatankuasa Negeri atau dari tarikh permintaan atau petisyen bertulis sebagaimana dinyatakan dalam subfasal 7.11.10.2 dan 7.11.10.3 diterima.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/20

7.11.10.5 Atas arahan Presiden.

7.11.10.6 Presiden berkuasa untuk membatalkan Kongres Umum Khas Negeri atas sebab-sebab yang difikirkan perlu.

FASAL 8 JAWATANKUASA-JAWATANKUASA PERINGKAT PARTI

Jawatankuasa Pusat Parti hendaklah dikenali sebagai MAJLIS KERJA TERTINGGI, manakala jawatankuasa di peringkat Negeri dikenali sebagai JAWATANKUASA NEGERI.

8.1 **KEANGGOTAAN MAJLIS KERJA TERTINGGI**

8.1.1 Keanggotaan Majlis Kerja Tertinggi adalah seperti yang disenaraikan berikut, terdiri daripada 18 orang yang dipilih oleh Kongres Umum Tahunan, serta tiga (3) orang yang dilantik oleh Presiden, dan semua Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Negeri, seperti berikut:

Ruj. Bil. 18
th : 11/08/20

8.1.1.1 Satu (1) Orang : Presiden

8.1.1.2 Satu (1) Orang : Timbalan Presiden

8.1.1.3 Naib Presiden :

i. Tiga (3) orang Naib Presiden yang dipilih semasa Kongres Tahunan Pemilihan, di mana seorang (1) daripadanya hendaklah seorang wanita.

ii. Pengerusi Majlis Kerja Negeri secara automatik menjadi Naib Presiden.

8.1.1.4 Satu (1) Orang : Setiausaha Agung

8.1.1.5 Satu (1) Orang : Penolong Setiausaha Agung

8.1.1.6 Satu (1) Orang : Bendahari Agung

8.1.1.7 Satu (1) Orang : Penolong Bendahari Agung

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/20

8.1.1.8 Ahli Majlis:

i. Sembilan (9) orang Ahli Majlis yang dipilih semasa Kongres Umum Tahunan Pemilihan.

ii. Timbalan Pengerusi Negeri secara automatik menjadi Ahli Majlis.

iii. Presiden boleh melantik ahli untuk mewakili mana-mana kaum sekiranya difikirkan perlu.

8.1.1.9 Tiga (3) Orang: Ahli Majlis Dilantik atas budibicara Presiden

8.2 **PEMILIHAN ANGGOTA MAJLIS KERJA TERTINGGI**

PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

8.2.1 Kecuali bagi jawatan-jawatan Ahli Majlis dalam subfasal 8.1.1.9, semua pemilihan untuk jawatan-jawatan dalam Majlis Kerja Tertinggi hendaklah dipilih semasa Kongres Umum Tahunan setiap lima (5) tahun sekali, melainkan jika penyandang jawatan tersebut telah meletakkan jawatan, dipecat, atau pelantikannya telah ditarik balik oleh Presiden.

8.3 **PENCALONAN UNTUK PEMILIHAN AHLI MAJLIS KERJA TERTINGGI**

8.3.1 Pencalonan bagi pemilihan jawatan-jawatan yang dipertandingkan menurut subfasal 8.1.1 hendaklah dicadang dan disokong oleh ahli parti. Semua pencalonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Penamaan Calon Majlis Kerja Tertinggi yang rasmi dan dihantar kepada Setiausaha Agung Parti tidak lewat daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh Kongres Umum Tahunan yang mengandungi pemilihan Majlis Kerja Tertinggi.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

Calon-calon yang layak bertanding untuk menganggotai Majlis Kerja Tertinggi hendaklah memperoleh jumlah pencalonan sekurang-kurangnya seperti berikut:

Presiden – 5 pencalonan
Timbalan Presiden – 4 pencalonan
Naib Presiden – 3 pencalonan
Setiausaha Agung – 2 pencalonan
Bendahari Agung – 2 pencalonan
Penolong Setiausaha Agung – 1 pencalonan
Penolong Bendahari Agung – 1 pencalonan
Ahli Majlis – 1 pencalonan

8.4 **PENGISIAN KEKOSONGAN AHLI MAJLIS KERJA TERTINGGI**

8.4.1 Jika berlaku kekosongan bagi mana-mana jawatan atau keahlian dalam Majlis Kerja Tertinggi, maka calon yang memperoleh undi kedua terbanyak semasa pemilihan dalam Kongres Umum Tahunan hendaklah dijemput untuk mengisi kekosongan tersebut bagi baki tempoh perkhidmatan jawatan yang berkenaan.

Sekiranya jemputan tersebut ditolak, Majlis Kerja Tertinggi berhak melantik seorang ahli yang difikirkan sesuai untuk mengisi kekosongan tersebut bagi baki tempoh perkhidmatan yang berkenaan.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

8.5 **JAWATANKUASA NEGERI**

8.5.1 Jawatankuasa Negeri hendaklah terdiri daripada lapan belas (18) orang, seperti berikut:

Pengerusi.
Timbalan Pengerusi
Naib Pengerusi (tiga (3) jawatan termasuk seorang wanita)
Setiausaha
Bendahari
Penolong Setiausaha
Penolong Bendahari
Ahli Jawatankuasa – sembilan (9) jawatan

PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

8.5.2 **PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA NEGERI**

Semua jawatan dan ahli Jawatankuasa Negeri hendaklah dipilih oleh Kongres Umum Negeri, selaras dengan tahun pemilihan Majlis Kerja Tertinggi, kecuali bagi pemilihan pertama selepas Negeri didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

8.5.3 **PENCALONAN UNTUK PEMILIHAN JAWATANKUASA NEGERI**

Pencalonan seorang calon untuk mana-mana jawatan atau ahli Jawatankuasa Negeri hendaklah dibuat secara rasmi dengan Borang Pencalonan Jawatankuasa Negeri dan dihantar kepada Setiausaha Agung Negeri tidak lewat dari empat belas (14) hari sebelum tarikh Mesyuarat Umum Tahunan Negeri dalam tahun yang diadakan pemilihan Jawatankuasa Negeri.

8.5.4 **PENGISIAN KEKOSONGAN AHLI MAJLIS KERJA NEGERI**

Jika berlaku kekosongan bagi mana-mana jawatan atau keahlian dalam Jawatankuasa Negeri, maka calon yang memperoleh undi kedua terbanyak semasa pemilihan dalam Kongres Umum Tahunan Negeri hendaklah dijemput untuk mengisi kekosongan tersebut bagi baki tempoh perkhidmatan jawatan yang berkenaan.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

Sekiranya jemputan tersebut ditolak, Jawatankuasa Negeri berhak melantik seorang ahli yang difikirkan sesuai untuk mengisi kekosongan tersebut bagi baki tempoh perkhidmatan yang berkenaan.

FASAL 9 MESYUARAT JAWATANKUASA

9.1 **MAJLIS KERJA TERTINGGI**

9.1.1 Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun, dan notis bagi setiap mesyuarat hendaklah diberikan tujuh (7) hari lebih awal kepada semua ahli.

9.1.2 Presiden, atau Timbalan Presiden dengan persetujuan Presiden, boleh bertindak secara bersendirian, atau bersama-sama dengan tidak kurang daripada 10 orang ahli, untuk memanggil mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi pada bila-bila masa jika difikirkan mustahak.

9.1.3 Korum bagi mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi adalah separuh (½) daripada jumlah anggota Majlis Kerja Tertinggi.

9.1.4 Bertanggungjawab menyusun aktiviti-aktiviti parti serta mengawasi dan memastikan bahawa segala perkara yang dilakukan tidak bertentangan dengan Perlembagaan Parti atau undang-undang.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

9.1.5 Merujuk kepada Kongres Umum untuk mendapatkan makluman dan kelulusan mengenai dasar serta pindaan Perlembagaan.

9.1.6 Menerima dan meluluskan penggubalan dasar parti serta merancang strategi pelaksanaan dasar tersebut selaras dengan Perlembagaan Parti.

9.1.7 Semua keputusan Majlis Kerja Tertinggi adalah muktamad dan hendaklah dipatuhi oleh semua ahli Parti, kecuali jika dan sehingga keputusan tersebut dipinda oleh Kongres Umum.

9.1.8 Majlis Kerja Tertinggi merupakan badan yang berhak mentafsirkan Perlembagaan ini dan memutuskan perkara-perkara yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Perlembagaan. Keputusan Majlis Kerja Tertinggi terhadap ahli-ahlinya adalah muktamad kecuali bagi perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah diputuskan dalam Kongres

PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

Umum.

9.1.9 Majlis Kerja Tertinggi berkuasa membuat sebarang peraturan bagi melicinkan jentera pentadbiran Parti, termasuk peraturan-peraturan berkaitan pelaksanaan Kongres Umum.

9.1.10 Majlis Kerja Tertinggi berkuasa menubuhkan Cawangan Negeri di peringkat Negeri, Bahagian (untuk kawasan Parlimen), Cawangan (untuk kawasan Dewan Undangan Negeri – DUN), dan Ranting (untuk kawasan kampung), Kaum Bapa, Wanita, Belia dan Beliawanis atas budi bicara dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis Kerja Tertinggi.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

9.1.11 Bagi menyempurnakan dan melancarkan aktiviti Parti, Majlis Kerja Tertinggi boleh menubuhkan biro-biro yang berkaitan, dengan syarat-syaratnya ditentukan oleh Majlis Kerja Tertinggi.

9.2 **MESYUARAT JAWATANKUASA NEGERI**

9.2.1 Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) bulan, atau pada bila-bila masa lain jika diarahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Negeri, atau atas permintaan bertulis daripada satu pertiga (1/3) daripada jumlah ahlinya, atau atas arahan Majlis Kerja Tertinggi.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

9.2.2 Korum bagi mesyuarat Jawatankuasa Negeri adalah lima puluh peratus (50%) daripada jumlah ahlinya.

9.2.3 Notis bertulis hendaklah disampaikan kepada semua ahli sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat yang ditetapkan.

FASAL 10 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

10.1 **MAJLIS KERJA TERTINGGI**

10.1.1 **Presiden**

10.1.1.1 Menerajui kepimpinan serta bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pentadbiran Parti.

10.1.1.2 Mempengerusikan semua mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi dan projek-projek khas bagi Parti.

10.1.1.3 Mempunyai undi pemutus dan menandatangani minit setiap mesyuarat yang diluluskan.

10.1.1.4 Mengawal dan memantau pengurusan kewangan serta akaun Parti.

10.1.1.5 Menilai keberkesanan program dan aktiviti yang dilaksanakan.

10.1.2 **Timbalan Presiden**

10.1.2.1 Membantu Presiden menjalankan tugas-tugas Presiden seperti yang diarahkan oleh Presiden, atau memangku tugas Presiden semasa ketiadaannya.

10.1.2.2 Menjadi penandatangan gantian bagi cek-cek Parti semasa ketiadaan Presiden.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

10.1.3 **Naib Presiden**

10.1.3.1 Membantu Presiden dan Timbalan Presiden dalam menjalankan tugas-tugas pengurusan serta pentadbiran aktiviti-aktiviti Parti.

10.1.4 **Setiausaha Agung**

10.1.4.1 Bertanggungjawab memimpin Sekretariat Parti dan mengendalikan semua urusan pentadbiran Parti, khususnya yang berkaitan dengan surat-menyurat, serta menyimpan semua rekod, buku,

PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

risalah, kertas kerja, resolusi, dan minit-minit mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi dan Kongres Umum Parti.

10.1.4.2 Bertanggungjawab menyimpan dan mengemas kini sistem pendaftaran keahlian serta rekod pemegang-pemegang jawatan Parti.

10.1.4.3 Menyediakan laporan tahunan untuk Kongres Umum

10.1.4.4 Mengeluarkan notis-notis mesyuarat, mencatat minit-minit mesyuarat, serta menyediakan dan mengedarkan minit-minit mesyuarat tersebut.

10.1.4.5 Memastikan semua urusan berkaitan pematuhan Parti di bawah peruntukan Akta Pertubuhan Malaysia dilaksanakan, termasuk menghantar penyata-penyata yang diperlukan kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

10.1.4.6 Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan oleh Pengurusi atau Majlis Kerja Tertinggi dari semasa ke semasa.

10.1.5 **Penolong Setiausaha Agung**

10.1.5.1 Membantu Setiausaha Agung dalam melaksanakan tugas-tugasnya serta memangku jawatan tersebut semasa ketiadaannya.

10.1.6 **Bendahari Agung**

10.1.6.1 Bertanggungjawab terhadap semua urusan kewangan Parti.

10.1.6.2 Bertanggungjawab menyimpan akaun wang masuk dan keluar serta menyimpan semua rekod kewangan Parti.

10.1.6.3 Bertanggungjawab menyediakan laporan akaun tahunan dan penyata kira-kira untuk diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira.

10.1.7 **Penolong Bendahari Agung**

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

10.1.7.1 Membantu Bendahari Agung dalam menjalankan tugas-tugasnya serta memangku jawatan tersebut semasa ketiadaannya.

10.1.8 **Ahli Majlis**

10.1.8.1 Menghadiri setiap mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi dan membantu dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan Parti.

10.2 **JAWATANKUASA NEGERI**

10.2.1 **Pengerusi**

10.2.1.1 Bertanggungjawab terhadap kelancaran dan keberkesanan Jawatankuasa Negeri serta pentadbiran Parti di peringkat negeri.

10.2.1.2 Bertanggungjawab ke atas semua pegawai dan anggota Parti di peringkat negeri.

10.2.1.3 Mempengerusikan dan memimpin sidang-sidang Jawatankuasa Negeri.

10.2.1.4 Mewakili Negeri sebagai Naib Presiden di peringkat Majlis Kerja Tertinggi.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

10.2.2 **Timbalan Pengerusi**

PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

10.2.2.1 Membantu menjalankan tugas-tugas Pengerusi.
10.2.2.2 Mempengerusikan sidang-sidang Jawatankuasa Negeri apabila Pengerusi tidak hadir.
10.2.2.3 Mewakili Negeri sebagai Ahli Majlis di peringkat Majlis Kerja Tertinggi.

10.2.3 **Setiausaha.**

10.2.3.1 Bertanggungjawab secara langsung kepada Pengerusi.
10.2.3.2 Mentadbir dan mengurus perjalanan urusan pejabat Negeri.
10.2.3.3 Melaporkan kepada Pengerusi segala tindakan yang diambil berkaitan pentadbiran pejabat Negeri.
10.2.3.4 Bertanggungjawab memastikan kelancaran sidang-sidang Jawatankuasa Negeri dan urusan Parti di peringkat Negeri.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

10.2.4 **Bendahari.**

10.2.4.1 Bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Parti di peringkat Negeri.
10.2.4.2 Menyediakan dan membentangkan Penyata Kira-Kira Kewangan Tahunan yang telah disahkan oleh Pemeriksa Kira-Kira Jawatankuasa Negeri.

10.2.5 **Ahli Jawatankuasa**

10.2.5.1 Menghadiri setiap mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi dan membantu dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan Parti.

FASAL 11. KEWANGAN

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

11.1 TAHUN KEWANGAN

11.1.1 Tahun kewangan Parti bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

11.2 PENGUNAAN WANG KEUNTUNGAN

11.2.1 Semua wang dan keuntungan yang diperoleh oleh Parti boleh digunakan untuk meneruskan, memajukan, dan menjalankan aktiviti-aktiviti berdasarkan objektif Parti, termasuk pembayaran gaji dan lain-lain perbelanjaan bagi tujuan Parti.
11.2.2 Derma dan sumbangan yang diterima daripada mana-mana pihak hendaklah digunakan bagi membiayai aktiviti-aktiviti Parti sahaja.
11.2.3 Membeli harta termasuk tanah, bangunan, dan aset-aset lain atas nama Parti.
11.2.4 Menjalankan perniagaan dan membuat pelaburan dengan syarat bahawa semua keuntungan yang diperoleh daripada aktiviti tersebut hendaklah digunakan semata-mata untuk tujuan Parti.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

11.3 PENYIMPANAN WANG

11.3.1 Semua wang yang diterima hendaklah dibankkan dalam tempoh sekurang-kurangnya dua (2) hari dari tarikh penerimaan, kecuali jika hari berikutnya merupakan hari kelepasan am. Akaun bank hendaklah atas nama Parti.

11.4 MANDAT PERBELANJAAN

MESYUARAT PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

11.4.1 **WANG DALAM TANGAN**

11.4.1.1 Jumlah wang tunai yang disimpan oleh Bendahari Agung pada sesuatu masa tidak boleh melebihi RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus). Wang ini hendaklah digunakan untuk urusan pejabat dan lain-lain keperluan yang difikirkan perlu.

11.4.2 **PERBELANJAAN BULANAN PEJABAT**

11.4.2.1 Bajet perbelanjaan bulanan bagi urusan pentadbiran pejabat, sewa, gaji pekerja, dan lain-lain perbelanjaan termasuk elaun Ahli Majlis Kerja Tertinggi yang menjalankan tugas hendaklah tidak melebihi RM5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja).

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

Sekiranya terdapat keperluan untuk melebihi jumlah yang ditetapkan, kelulusan Majlis Kerja Tertinggi hendaklah diperoleh terlebih dahulu.

11.4.3 **PERBELANJAAN KONGRES UMUM**

11.4.3.1 Bajet perbelanjaan untuk mengadakan Kongres Umum Parti hendaklah tidak melebihi RM20,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu Sahaja).

Jika keperluan melebihi jumlah yang ditetapkan, kelulusan Majlis Kerja Tertinggi hendaklah diperoleh terlebih dahulu.

11.4.4 **PERBELANJAAN MESYUARAT MAJLIS KERJA TERTINGGI**

11.4.4.1 Bajet perbelanjaan bagi setiap mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi yang diadakan tiga (3) kali setahun hendaklah tidak melebihi RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja).

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

Sekiranya keperluan melebihi jumlah tersebut, kelulusan Majlis Kerja Tertinggi hendaklah diperoleh terlebih dahulu.

11.4.5 **MELULUSKAN PERBELANJAAN**

11.4.5.1 Perbelanjaan sehingga RM10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja) pada satu-satu masa boleh diluluskan oleh tiga (3) daripada empat (4) orang berikut:

Presiden (kelulusan wajib)
Timbalan Presiden
Bendahari Agung
Setiausaha Agung

11.4.5.2 Perbelanjaan yang melebihi RM10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu) dan kurang daripada RM100,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu) pada satu-satu masa hendaklah mendapat kelulusan Majlis Kerja Tertinggi terlebih dahulu.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

11.4.5.3 Perbelanjaan yang melebihi RM100,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu) hendaklah mendapat kelulusan daripada Kongres Umum Parti atau Kongres Umum Khas Parti terlebih

PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

dahulu.

11.4.6 **PENANDATANGAN CEK**

11.4.6.1 Semua cek pembayaran yang dikeluarkan hendaklah tertakluk kepada kelulusan perbelanjaan terlebih dahulu dan ditandatangani oleh tiga (3) daripada empat (4) orang berikut:

i. Presiden
ii. Timbalan Presiden
iii. Setiausaha Agung
iv. Bendahari Agung (penandatangan wajib)

SYARAT PENANDATANGANAN CEK DAN BAUCER PEMBAYARAN

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

Bagi jumlah RM2,000.00 dan ke atas, tandatangan berikut diperlukan:
i. Presiden (penandatangan wajib)
ii. Bendahari Agung (penandatangan wajib)
iii. Salah seorang daripada Timbalan Presiden atau Setiausaha Agung.

Jumlah RM1,999 dan ke bawah:
i. Bendahari Agung (penandatangan wajib)
ii. Dua orang daripada Presiden, Timbalan Presiden, atau Setiausaha Agung.

FASAL 12 JURU AUDIT

12.1 Dua (2) orang yang bukan pegawai Pertubuhan hendaklah dilantik setiap lima (5) tahun sekali dalam Kongres Umum Parti Tahunan sebagai Juruaudit.

12.2 Juruaudit berhak memeriksa semua buku, penyata kewangan, dan kunci kira-kira tahunan Pertubuhan, serta mengesahkan penyata tersebut dengan membandingkannya dengan akaun dan baucar-baucar yang berkaitan.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

Mereka hendaklah menandatangani penyata kewangan tersebut jika didapati betul dan selaras dengan Perlembagaan. Jika terdapat sebarang perkara yang didapati tidak betul, tidak disokong, atau tidak mengikut Perlembagaan Pertubuhan, perkara tersebut hendaklah dilaporkan kepada Pertubuhan.

12.3 Juruaudit juga hendaklah memeriksa penyata kewangan dan kunci kira-kira Pertubuhan pada bila-bila masa sekiranya difikirkan perlu oleh Majlis Kerja Tertinggi.

FASAL 13 PENTADBIR HARTA / PEMEGANG AMANAH

13.1 Dua (2) orang Pemegang Amanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik setiap dua (2) tahun sekali dalam Kongres Umum Parti, dan mereka akan berkhidmat selama tempoh yang ditetapkan oleh Pertubuhan.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

Kepada mereka akan diamanahkan semua harta tetap dan pelaburan wang Pertubuhan.

13.2 Seseorang ahli yang memegang jawatan Setiausaha atau Bendahari dalam Pertubuhan ini tidak boleh dilantik sebagai Pemegang Amanah (Pengamanah).

13.3 Satu salinan ketetapan pelantikan seseorang Pemegang Amanah yang ditandatangani oleh Pemegang Amanah yang dilantik dan disahkan oleh Setiausaha Agung hendaklah dihantar kepada Pendaftar Pertubuhan.

MEMERI PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

13.4 Seseorang Pemegang Amanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Kongres Umum Parti atas sebab uzur, seperti penyakit, tidak siuman, tidak berada di dalam negara, atau atas sebab lain yang menyebabkan beliau tidak dapat menjalankan tugasnya dengan memuaskan.

Jika berlaku kematian, peletakan jawatan, atau pelucutan jawatan seseorang Pemegang Amanah, maka kekosongan tersebut hendaklah dipenuhi oleh Pemegang Amanah yang baharu yang dilantik dalam Kongres Umum Parti.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

FASAL 14 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN

14.1 Di antara berlangsungnya Kongres Umum Parti, Majlis Kerja Tertinggi boleh memberi tafsiran kepada Perlembagaan ini dan memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung secara khusus dalam Perlembagaan ini.

Keputusan Majlis Kerja Tertinggi adalah muktamad kecuali jika dipinda atau diubah oleh keputusan Kongres Umum Parti.

FASAL 15 PENASIHAT / PENAUNG

15.1 **PENAUNG**

15.1.1 Seorang Penaung hendaklah dilantik oleh Kongres Umum Tahunan atas pencalonan daripada ahli atau Majlis Kerja Tertinggi.

15.1.2 Setiap pencalonan untuk dilantik sebagai Penaung hendaklah disertakan dengan persetujuan bertulis daripada penama yang dicalonkan.

15.2 **PENASIHAT**

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

15.2.1 Seorang Penasihat hendaklah dilantik oleh Kongres Umum Tahunan atas pencalonan daripada Majlis Kerja Tertinggi.

15.2.2 Setiap pencalonan untuk dilantik sebagai Penasihat hendaklah disertakan dengan persetujuan bertulis daripada penama yang dicalonkan.

FASAL 16 PILIHAN RAYA NEGERI DAN PILIHAN RAYA UMUM

16.1 Parti boleh mengambil bahagian dan bertanding dalam mana-mana Pilihan Raya Negeri dan Pilihan Raya Umum di seluruh negara.

16.2 Semua calon yang dipilih oleh parti untuk bertanding hendaklah menggunakan lambang parti dan bertanding bagi pihak parti, bukan atas kapasiti individu.

16.3 Calon-calon yang dicadangkan oleh negeri-negeri untuk bertanding hendaklah menghantar senarai nama calon kepada Pusat terlebih dahulu untuk pengiktirafan dan rekod.

16.4 Hanya Presiden diberi kuasa untuk mengeluarkan dan menandatangani surat watikah kepada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) bagi membenarkan calon-calon menggunakan lambang parti.

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

16.5 Sekiranya Presiden tidak dapat melaksanakan tugas tersebut atas sebab yang munasabah, kuasa di bawah Fasal 16.4 hendaklah diambil alih oleh Jawatankuasa Majlis Kerja Tertinggi untuk memilih salah seorang daripada mereka sebagai penandatangan surat watikah.

16.6 Calon-calon yang menang dalam pilihan raya hendaklah mematuhi Perlembagaan Parti.

16.7 Sekiranya seseorang calon yang telah menang dalam pilihan raya dan menjadi wakil rakyat

PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

menyokong parti lain serta menentang keputusan Majlis Kerja Tertinggi, maka:

16.7.1 Keahliannya dalam parti akan terbatal.

16.7.2 Kemenangannya dalam pilihan raya tersebut dianggap terbatal, dan beliau hendaklah mengosongkan kerusi yang dimenanginya supaya pilihan raya kecil dapat diadakan.

16.7.3 Dibaca bersama subfasal 16.7.2, beliau hendaklah membayar ganti rugi berbentuk wang tunai sebanyak:
RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta) bagi kerusi Dewan Undangan Negeri
RM50,000,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Juta) bagi kerusi Parlimen

Ganti rugi ini adalah berdasarkan perkara berikut:

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

16.7.3.1 Calon tersebut telah dipilih oleh parti untuk mewakili parti dalam pilihan raya dan menggunakan lambang parti semasa bertanding.

16.7.3.2 Kemenangan calon adalah kemenangan parti dan bukannya kemenangan peribadi.

16.7.3.3 Undi yang diperoleh calon adalah hasil sokongan penyokong parti.

16.7.3.4 Popularity parti menyumbang kepada kemenangan calon.

16.7.3.5 Kempen pilihan raya calon dijalankan dengan bantuan ahli-ahli parti.

16.7.3.6 Calon tersebut telah menandatangani Akuan Bersumpah (Statutory Declaration) dan bersetuju untuk mematuhi semua syarat yang dikenakan sebelum dipilih sebagai calon mewakili parti dalam pilihan raya.

16.8 Parti boleh menyokong atau bergabung dengan parti-parti lain sama ada dalam blok kerajaan atau blok pembangkang. Keputusan untuk bergabung tersebut adalah tertakluk kepada budi bicara Presiden.

16.9 Sekiranya Parti Wawasan Rakyat memenangi lebih daripada separuh jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri dan/atau kerusi Parlimen, serta membentuk kerajaan, maka kerajaan tersebut hendaklah dikenali sebagai "Kerajaan Wawasan".

FASAL 17 LARANGAN

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26

17.1 Ahli-ahli tidak dibenarkan mengadakan sebarang aktiviti, ceramah, memungut derma, atau menjalankan apa-apa kegiatan atas nama Pertubuhan tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Pertubuhan.

FASAL 18 PINDAAN PERLEMBAGAAN

18.1 Perlembagaan ini boleh dipinda melalui ketetapan yang dipersetujui oleh tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) ahli yang hadir dalam Kongres Umum Tahunan atau Kongres Umum Khas, dan pindaan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh enam puluh (60) hari, selaras dengan Akta Pertubuhan 1966.

FASAL 19 PEMBUBARAN

Ruj. Bil. 18
Bth : 11/08/26


19.1 Parti boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perempat (3/4) daripada jumlah ahli yang hadir dalam Kongres Umum Khas yang diadakan khusus bagi tujuan tersebut.

19.2 Sekiranya Parti dibubarkan seperti yang dinyatakan di atas, segala hutang dan tanggungan Parti yang sah di sisi undang-undang hendaklah dijelaskan terlebih dahulu. Sebarang baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Kongres Umum Khas tersebut.

PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

FASAL 20 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA


1. Bendera



Ruj. Bil. 21
Bth : 11/08/26

Makna Logo & Warna "PARTI WAWASAN RAKYAT"
Logo berbentuk huruf "W" melambangkan **Wawasan masa depan** – parti yang bergerak ke hadapan, membawa perubahan dan kemajuan untuk rakyat.
Maksud Warna:
Biru – Kestabilan, kepercayaan dan kepimpinan berintegriti
Merah – Keberanian dan semangat memperjuangkan hak rakyat
Kuning – Kedaulatan, Perlembagaan dan institusi negara
Putih – Ketelusan, keikhlasan dan tadbir urus bersih

2. Lambang



Ruj. Bil. 21
Bth : 11/08/26

Makna Logo & Warna "PARTI WAWASAN RAKYAT"
Logo berbentuk huruf "W" melambangkan **Wawasan masa depan** – parti yang bergerak ke hadapan, membawa perubahan dan kemajuan untuk rakyat.
Maksud Warna:

Biru – Kestabilan, kepercayaan dan kepimpinan berintegriti
Merah – Keberanian dan semangat memperjuangkan hak rakyat
Kuning – Kedaulatan, Perlembagaan dan institusi negara
Putih – Ketelusan, keikhlasan dan tadbir urus bersih

PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

3. Lencana



Ruj. Bil. 21
Bth : 11/08/26

Makna Logo & Warna "PARTI WAWASAN RAKYAT"
Logo berbentuk huruf "W" melambangkan **Wawasan masa depan** – parti yang bergerak ke hadapan, membawa perubahan dan kemajuan untuk rakyat.
Maksud Warna:

Biru – Kestabilan, kepercayaan dan kepimpinan berintegriti
Merah – Keberanian dan semangat memperjuangkan hak rakyat
Kuning – Kedaulatan, Perlembagaan dan institusi negara
Putih – Ketelusan, keikhlasan dan tadbir urus bersih

SURUHANJAYA PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA